



[FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL/BH]

RUU kanak-kanak dapat sokongan

Putrajaya: Rang Undang-Undang (RUU) Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 diharap dapat diluluskan segera bagi menangani masalah seksual terhadap kanak-kanak, sekali gus mengekang perbuatan terkutuk itu.

Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor, berkata RUU berkenaan secara tidak langsung dapat menghindarkan masalah jenayah seksual daripada terus mengancam kanak-kanak.

“Saya dan program Anak Permata Negara (PERMATA) mengucapkan terima kasih kerana cadangan RUU ini sudah disokong semua peringkat tidak kira yang

mewakili kerajaan atau pembangkang (di Parlimen),” katanya selepas menghadiri Majlis Pelepasan peserta ‘PERMATA On Wheels’, di Seri Perdana, di sini, semalam.

Kelmarin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said, membentangkan RUU Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 di Dewan Rakyat untuk bacaan kali pertama. Antara kesalahan jenayah di dalam RUU itu adalah pornografi kanak-kanak, persediaan seksual kanak-kanak dan serangan seksual sama ada fizikal atau bukan fizikal terhadap mereka.

Rosmah bergambar bersama anak-anak PERMATA pada Majlis Pelepasan peserta ‘PERMATA On Wheels’ di Seri Perdana, Putrajaya semalam.